

KEMPEN ISTIMEWA BANK RAKYAT BAGI PROGRAM KUALA LUMPUR MOBILITY SHOWS (KLIMS) 2024

Soalan Lazim

1. Siapakah penganjur bagi kempen ini?

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat.

2. Bilakah kempen ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung dari **5 Disember sehingga 11 Disember 2024**.

3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan memohon produk Pembiayaan Kenderaan-i KECUALI:

- a) Warga kerja Bank Rakyat; atau
- b) Pelanggan Bank Rakyat yang mempunyai sebarang tunggakan dan tindakan guaman atas mana-mana kemudahan pembiayaan sedia ada dengan Bank Rakyat.

4. Apakah konsep bagi kempen ini?

Tawaran ini berkonsep langgan dan menang.

5. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

- a) Pelanggan boleh memohon produk Pembiayaan Kenderaan-i bagi kenderaan elektrik hybrid plug-in (PHEV) dan kenderaan bateri (BEV) sahaja melalui BRICK yang dilakukan semasa tempoh kempen berlangsung.
- b) Penyertaan adalah secara AUTOMATIK apabila pelanggan membuat permohonan pembiayaan sepanjang tempoh kempen berlangsung.
- c) **Satu (1)** permohonan Pembiayaan Kenderaan-i dalam tempoh kempen layak mendapat satu (1) penyertaan sahaja.

6. Berapakah jumlah minimum Pembiayaan Kenderaan-i yang perlu dipohon bagi melayakkan pelanggan menyertai kempen ini?

Jumlah pembiayaan minimum yang perlu dipohon adalah sebanyak RM50,000 bagi melayakkan pelanggan untuk menyertai kempen ini.

7. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?

Hadiah	Jumlah Pemenang
Baucar pengecas kenderaan elektrik bernilai RM5,000	7

8. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?

Tujuh (7) permohonan terawal yang telah diluluskan dan dilakukan pengeluaran akan dipilih sebagai pemenang hadiah kempen.

9. Bagaimanakah pemenang kempen ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS), pusat panggilan tele-Rakyat, laman sesawang rasmi Bank Rakyat, laman media sosial rasmi Bank Rakyat atau e-mel.

10. Bilakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah akan diterima oleh pemenang dalam masa tempoh **30 hari** selepas pengumuman dibuat.

11. Bagaimanakah tuntutan hadiah pemenang boleh dilakukan?

Tuntutan hadiah hanya boleh dilaksanakan di mana-mana cawangan Bank Rakyat atau lain-lain kaedah yang ditentukan oleh Bank Rakyat.

12. Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

13. Adakah saya boleh memenangi lebih dari satu hadiah untuk kempen ini?

Tidak boleh.

14. Di manakah maklumat lanjut berkaitan tawaran ini boleh saya dapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat.
- Pusat panggilan Bank Rakyat: 1 300 80 5454.
- Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/Twitter).

Soalan-soalan lazim bagi tawaran ini adalah tertakluk pada terma dan syarat tawaran, terma dan syarat Pembiayaan Kenderaan-i serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.